

**KESAN PEMBELAJARAN SECARA MOBIL TERHADAP MINAT DAN
MOTIVASI PELAJAR JARAK JAUH BAGI KURSUS PENGANTAR
EKONOMI**

NORHAFIZA BINTI JAMALUDDIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**KESAN PEMBELAJARAN SECARA MOBIL TERHADAP MINAT DAN
MOTIVASI PELAJAR JARAK JAUH BAGI KURSUS PENGANTAR
EKONOMI**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesan pembelajaran secara mobil (PsM) terhadap minat dan motivasi pelajar pendidikan jarak jauh bagi kursus Pengantar Ekonomi di salah sebuah universiti awam di Malaysia. Reka bentuk eksperimen kuasi dipilih berdasarkan teknik praujian dan pascaujian. Seramai 102 responden telah dipilih dan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen (52 orang) dan kumpulan kawalan (50 orang). Pelajar dalam kumpulan eksperimen didedahkan dengan kaedah Pembelajaran secara Mobil (PsM) manakala pelajar dalam kumpulan kawalan didedahkan dengan Pembelajaran menerusi Portal (PmP). Dua set soalan iaitu pra dan pascaujian telah diedarkan kepada kedua-dua kumpulan. Kesan PsM dan PmP ke atas minat pelajar dianalisis menggunakan MANCOVA, ANCOVA dan korelasi *Pearson*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah PsM adalah berkesan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran berbanding kaedah PmP dalam kursus tersebut. Sebaliknya, PsM dan PmP tidak mempunyai hubungan signifikan dengan motivasi pelajar. Namun begitu, terdapat korelasi yang kuat antara minat dan motivasi mereka yang didedahkan dengan PsM untuk belajar. Keseluruhannya, kaedah PsM adalah sangat berkesan digunakan dalam kalangan pelajar PJJ kursus Pengantar Ekonomi kerana mampu meningkatkan minat mereka untuk belajar berbanding kaedah pembelajaran konvensional. Walau bagaimanapun, satu kajian yang komprehensif wajar dijalankan untuk memastikan keputusan yang diperoleh ini adalah mantap dan konsisten.



**THE EFFECTS OF MOBILE LEARNING ON DISTANCE LEARNERS'
INTEREST AND MOTIVATION FOR THE INTRODUCTORY
ECONOMICS COURSE**

ABSTRACT

This study investigated the effects of mobile learning (PsM) on interest and motivation among distance learners in the Introductory Economics course at one of the public universities in Malaysia. Quasi-experimental design based on pre-test and post-test was employed. A total of 102 respondents were selected and divided into two groups, an experimental group (52 respondents) and a control group (50 respondents). The experimental group was exposed to mobile learning (PsM) method while the control group was employed with learning through portal (PmP). Two sets of questionnaires, which were pre-test and post-test were employed for both groups. MANCOVA, ANCOVA and Pearson correlation were employed to analyse the effects of PsM and PmP on students' interest and motivation. The research findings showed that PsM had a significant effect in enhancing the students' interest in learning the course compared to PmP. In contrast, both methods showed no significant effect on students' motivation. Nevertheless, there was a strong correlation found between interest and motivation and learning among students who were exposed to PsM method. In conclusion, PsM seems to be an effective way of learning for the distance learners as the method improves their interest in learning. However, a more comprehensive study should be carried out to ensure that the results obtained here are robust and consistent.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
 BAB 1	
PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.5 Tujuan Kajian	19
1.6 Objektif Kajian	19
1.7 Soalan Kajian	21
1.8 Hipotesis Kajian	22
1.9 Kepentingan Kajian	23
1.10 Batasan Kajian	26
1.11 Definisi Operasional	28
1.11.1 Pembelajaran	28

1.11.2	Peranti Mobil	28
1.11.3	Pembelajaran secara Mobil (PsM)	29
1.11.4	Minat	29
1.11.5	Motivasi	30
1.11.6	Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)	30
1.11.7	Telefon Pintar	31
1.11.8	Kumpulan Eksperimen	31
1.11.9	Kumpulan Kawalan	32
1.12	Rumusan	32

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Penggunaan Aplikasi Teknologi Mobil dalam Pendidikan	35
2.2.1	Pembelajaran secara Elektronik (PsE) dalam Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Malaysia	37
2.3	Teori Pembelajaran	38
2.3.1	Teori Pembelajaran Tingkah Laku	38
2.3.2	Teori Pembelajaran Kognitif	39
2.3.3	Teori Pembelajaran Konstruktif	40
2.3.4	Teori Pembelajaran Kolaboratif	40
2.3.5	Teori Sosio-Budaya	41
2.3.6	Teori Pembelajaran Zaman Mobil (<i>Mobile Age</i>)	41
2.3.7	Teori Pembelajaran Konektivisme (<i>Connectivism</i>)	42
2.4	Model Pembelajaran	44

2.4.1	Model Motivasi: Model ARCS	44
2.4.2	Model Reka Bentuk Sistem Pengajaran	47
2.5	Pembelajaran secara Mobil (PsM)	50
2.5.1	Pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) dan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	50
2.5.2	Keberkesanan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	52
2.5.3	Pendidik dan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	54
2.5.4	Pelajar dan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	56
2.5.5	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran secara Mobil (PsM)	60
2.5.6	Minat dan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	64
2.5.7	Motivasi dan Pembelajaran secara Mobil (PsM)	66
2.5.8	Hubungan antara Minat dan Motivasi Pelajar	68
2.6	Teori Perkembangan	69
2.6.1	Teori Vygotsky (Zon Perkembangan Proksimal)	69
2.7	Teori Pembelajaran Pelajar Dewasa	71
2.7.1	Teori Andragogi Knowles (1970)	71
2.8	Rumusan	73

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	74
3.2	Reka Bentuk Kajian	75
3.2.1	Ringkasan Kumpulan	77
3.3	Populasi dan Sampel	78
3.3.1	Teknik Persampelan	79

3.4	Instrumen Kajian	80
3.4.1	Soal Selidik	82
3.5	Kajian Rintis	84
3.5.1	Kesahan Kajian	85
3.5.2	Kebolehpercayaan Kajian	86
3.6	Prosedur Pemungutan Data	88
3.6.1	Aplikasi Penggunaan Peranti Mobil dalam Pembelajaran	93
3.7	Kawalan Ancaman	95
3.8	Analisis Data	100
3.8.1	MANCOVA	101
3.8.2	Ujian Korelasi Pearson	102
3.9	Rumusan	104
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	105
4.2	Penyemakan Data Kajian Sebenar	108
4.2.1	Ujian Normaliti	108
4.2.1.1	Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	108
4.2.1.2	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro Wilk	109
4.2.2	Ujian Korelasi Pearson	111
4.3	Analisis Deskriptif Demografi Pelajar	112
4.4	Pra-Eksperimen	115

4.4.1	Ujian Box'M terhadap Kesaksamaan Matriks Varians-Kovarians	115
4.4.2	Dapatan Keputusan Pra-Eksperimen	116
4.4.2.1	Ringkasan Keputusan Praujian	116
4.5	Keputusan Eksperimen	118
4.5.1	Analisis Deskriptif Praujian dan Pascaujian bagi Minat dan Motivasi Pelajar	119
4.5.2	Pengujian Hipotesis 1 dan Hipotesis 2	128
4.5.3	Pengujian Hipotesis 3	134
4.6	Ringkasan bagi Hipotesis Kajian 1-3	135
4.7	Ringkasan Dapatan bagi Soalan Kajian 1 – 4	136
4.8	Rumusan	138
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	140
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	141
5.3	Perbincangan	142
5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Minat	143
5.3.2	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Motivasi	148
5.3.3	Hubungan antara Minat dan Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran secara Mobil (PsM)	152
5.4	Implikasi Kajian	154
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	157
5.6	Kesimpulan	159


RUJUKAN	160
LAMPIRAN	180
LAMPIRAN A: Soal Selidik	180
LAMPIRAN B: Analisis Kebolehpercayaan	192
LAMPIRAN C: Kesahan Instrumen Kajian	204
LAMPIRAN D: Surat Pengesahan Pelajar	211
LAMPIRAN E: Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	212
LAMPIRAN F: Ujian Normaliti	214
LAMPIRAN G: Ujian Korelasi Pearson antara Kovariat dan Pemboleh Ubah Bersandar	219



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
Jadual 3.1	Jadual Keputusan Analisis Kebolehpercayaan 87
Jadual 3.2	Pembahagian Skor Min Minat & Motivasi Pelajar terhadap Kaedah Pembelajaran 100
Jadual 3.3	Kekuatan Korelasi Pearson 102
Jadual 3.4	Ringkasan Statistik 103
Jadual 4.1	Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> 108
Jadual 4.2	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk 110
Jadual 4.3	Keputusan Ujian Kehomogenan Varians (Ujian Levene) 111
Jadual 4.4	Korelasi <i>Pearson</i> antara Kovariat (Praujian Motivasi) dan Pemboleh Ubah Bersandar (Minat dan Motivasi) 112
Jadual 4.5	Taburan Sampel berdasarkan Demografi Pelajar 113
Jadual 4.6	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi setiap Pemboleh Ubah Bersandar (Praujian) mengikut Kaedah Pembelajaran (PsM dan PmP) yang Didedahkan kepada Pelajar 117
Jadual 4.7	Maklum Balas Tahap Minat Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Pembelajaran (PsM dan PmP) 120
Jadual 4.8	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Minat). 123
Jadual 4.9	Maklum Balas Tahap Motivasi Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Pembelajaran (PsM dan PmP) 124
Jadual 4.10	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Motivasi) 127
Jadual 4.11	Min, Sisihan Piawai (SP), dan Min Terlaras (<i>Adjusted Mean</i>) bagi setiap Pemboleh Ubah Bersandar berdasarkan Kaedah Pembelajaran Pelajar 129

Jadual 4.12	Ringkasan Keputusan <i>Multivariate Analysis of Covariance</i> (MANCOVA) mengikut Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Susulan <i>Analysis of Covariance</i> (ANCOVA) terhadap Dua Kumpulan Kaedah Pembelajaran	131
Jadual 4.13	Ringkasan Keputusan Ujian ANCOVA	133
Jadual 4.14	Analisis Korelasi Pearson antara Pemboleh Ubah Minat dan Motivasi	134
Jadual 4.15	Ringkasan Keputusan Hipotesis	136



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
Rajah 1.1	Kerangka Perkembangan Proksimal Pelajar	16
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kajian	17
Rajah 2.1	Model Reka Bentuk Sistem Pengajaran	48
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian & Analisis	76
Rajah 3.2	Ringkasan Kumpulan Eksperimen & Kawalan	77
Rajah 3.3.	Carta Alir Penggunaan Perisian <i>Mobile Learning</i> (ML)	90
Rajah 3.4	Prosedur Pemungutan Data	92
Rajah 3.5	Aplikasi Perisian <i>Mobile Learning</i> (ML)	93
Rajah 3.6	Koleksi Soalan dalam Perisian <i>Mobile Learning</i> (ML)	94
Rajah 3.7	Lampiran Nota menerusi Aplikasi Peranti Mobil	95

SENARAI SINGKATAN

PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PsM	Pembelajaran secara Mobil
PmP	Pembelajaran menerusi Portal
ZPP	Zon Perkembangan Proksimal
ANCOVA	<i>Analysis of Covariance</i>
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis of Covariance</i>
ML	<i>Mobile Learning</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
PsE	Pembelajaran secara Elektronik
SMS	<i>Short Message System</i>
MMS	<i>Multimedia Message System</i>
PDA	<i>Personal Digital Assistant</i>
SE	<i>Standard Error</i>
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
Wi-Fi	<i>Wireless Fidelity</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan teknologi komunikasi berasaskan teknologi mobil pada zaman kini telah memberi sumbangan yang begitu besar dalam sistem pendidikan di negara ini (Hwang, Wu, Zhuang, & Huang, 2013). Perkembangan teknologi ini juga telah memberi peluang dan kemudahan kepada masyarakat untuk menimba ilmu sepanjang hayat. Oleh itu, seiring dengan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 (Nik Azis, 2008), pihak kerajaan telah memberi galakan kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam program berbentuk Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH). PSH ini juga sering dikaitkan dengan pendidikan bagi golongan dewasa atau pembelajaran secara berterusan (Norazah, Mohamed Embi, & Melor, 2010). Justeru, pelbagai kemudahan dan kelengkapan pembelajaran turut disediakan kepada

para pelajar dewasa yang ingin mengikuti program pengajian secara pendidikan jarak jauh (PJJ) ini yang menepati konsep pembelajaran secara berterusan.

Pelaksanaan program PJJ ini merupakan salah satu langkah untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan terutamanya kepada golongan yang telah tamat mengikuti pengajian di peringkat sekolah menengah (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2012). Oleh itu, tiada lagi alasan yang wajar diberi oleh masyarakat yang mengatakan bahawa kurangnya penyediaan kemudahan untuk menimba ilmu pengetahuan bagi meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Tambahan pula, kepimpinan dalam negara juga turut berhasrat melahirkan masyarakat modal insan kelas pertama bagi memastikan wujudnya daya saing yang tinggi dalam era globalisasi ini setanding dengan negara-negara maju yang lain (Zahiah & Abdul Razaq, 2010). Justeru, masyarakat yang tidak mempunyai pendidikan akan lumpuh dan tertinggal ke belakang, memandangkan dunia pada hari ini amat menitikberatkan keperluan ilmu pengetahuan sebagai persediaan untuk bersaing dalam dunia global yang kian mencabar.

Antara program pengajian yang menyediakan pendidikan sepanjang hayat di Malaysia iaitu program PJJ. Program ini diwujudkan seiring dengan matlamat negara iaitu menjadi negara maju menjelang tahun 2020 (Hee & Siti Liyana, 2011). Program ini giat dilaksanakan dan semakin berkembang ke pusat-pusat pengajian tinggi yang lain dari semasa ke semasa. Konsep pengajian ini juga adalah lebih mudah iaitu pelajar dan tenaga pengajar tidak perlu berada bersama-sama di dalam bilik kuliah

ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan (Moore & Kearsley,

2012). Fenomena ini menunjukkan bahawa konsep pembelajaran secara jarak jauh ini adalah berbentuk pengasingan antara pelajar dan tenaga pengajar dari aspek fizikal (Yahya, 2003). Walau bagaimanapun, perkembangan dari segi pelaksanaan konsep pendidikan ini mampu memberi impak yang positif dalam mempengaruhi perkembangan pendidikan di Malaysia. Lebih-lebih lagi, keadaan ini mampu mengatasi masalah pelajar yang ingin meneruskan pengajian di samping terdapat kekangan dari segi masa dan jarak perjalanan yang begitu jauh untuk ke pusat pengajian (Dugi, 2008).

Pelaksanaan konsep PJJ ini mampu menjadi lebih berkesan apabila digabungkan dengan perkembangan teknologi penciptaan peranti mobil yang semakin berkembang pada hari ini (Siow, Abu Talib, Lee, Sandiyao & Adelina, 2005). Rozhan dan Hanafi (2007) telah menghubungkan kaitkan pembelajaran sepanjang hayat ini dengan penggunaan teknologi komunikasi. Beliau menyatakan bahawa konsep pembelajaran ini iaitu menerusi program pengajian secara PJJ akan menjadi lebih berkesan melalui sokongan daripada medium teknologi komunikasi. Antara kaedah pembelajaran sedia ada yang sering digunakan oleh pelajar bagi program pengajian ini iaitu aktiviti pembelajaran menerusi sidang video (Tapscott, 2007). Pelaksanaan kaedah pembelajaran ini adalah hasil gabungan audio dan visual yang dibekalkan ke pusat-pusat wilayah pengajian masing-masing serta sistem pembelajaran menerusi portal yang membolehkan pelajar berinteraksi bersama rakan-rakan dan pensyarah menerusi web yang telah disediakan oleh pihak universiti.

Pelaksanaan program PJJ ini juga mampu memberi manfaat kepada golongan masyarakat yang telah bekerja, namun masih berkeinginan untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini demikian, pelajar yang mengikuti program pengajian ini tidak perlu meninggalkan kerjaya mereka (Hee & Nurazwin, 2011), malah mereka boleh meneruskan kerjaya mereka seperti biasa. Pelaksanaan program PJJ ini dijangka akan lebih berkesan apabila digabungkan dengan teknologi peranti mobil dan dijadikan medium dalam pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Hasuria & Rokiah, 2009). Antara peranti mobil yang boleh digunakan serta mampu memberi faedah menerusi perkembangan teknologi pada masa kini iaitu *Personal Digital Assistant* (PDA), komputer tablet, *iPad*, telefon bimbit, telefon pintar dan sebagainya (Basoglu & Akdemir, 2010). Penggunaan peranti mobil dalam pendidikan telah terbukti keberkesanannya terutamanya di luar negara. Buktinya, hasil kajian yang telah dijalankan di selatan Taiwan iaitu berkaitan dengan penggunaan peranti mobil sebagai medium pelaksanaan aktiviti PdP dalam bidang pendidikan telah berjaya meningkatkan kualiti dan tahap pencapaian pelajar di samping memperbaiki sikap pelajar terhadap pembelajaran (Hwang & Chang, 2011).

Menurut Park (2011), pembelajaran secara mobil (PsM) adalah merujuk kepada penggunaan alat peranti mobil atau tanpa wayar (*wireless*) sebagai medium untuk melaksanakan kaedah pembelajaran secara mobil (PsM). Pelaksanaan kaedah PsM iaitu menerusi bantuan teknologi peranti mobil akan memberi galakan kepada pelajar untuk belajar kerana mampu memberi kemudahan kepada para pelajar untuk mengakses maklumat pembelajaran pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja (Ahmed, 2012). Pendekatan pembelajaran secara mobil ini juga disifatkan sebagai

aktiviti pembelajaran berbentuk peribadi, tidak formal, mudah alih, menyeluruh dan sebagainya (Traxler, 2009). Justeru, kaedah pembelajaran ini adalah begitu berbeza berbanding dengan kaedah pembelajaran yang biasa dilaksanakan di dalam kelas atau di bilik kuliah. Pelaksanaan kaedah pembelajaran berasaskan bantuan teknologi peranti mobil ini secara tidak langsung mendorong motivasi pelajar untuk belajar dengan lebih bersemangat (Kukulska-Hulme, 2010). Oleh itu, kesan positif bagi pelaksanaan kaedah pembelajaran ini dapat menggalakkan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain untuk menyediakan sokongan pembelajaran yang lebih baik iaitu menerusi medium peranti mobil (Chan & Ford, 2007). Justeru, kesan pelaksanaan kaedah PsM ini mampu memberi impak yang positif terhadap keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia.

Kaedah PsM ini juga begitu pantas menjadi fenomena global yang mendorong kepada pembaharuan dalam sistem pendidikan (Snell-Siddle, 2012). Peningkatan terhadap keberkesanan teknologi pendidikan secara tidak langsung mampu meningkatkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan (Rafiza, 2013). Pelaksanaan kaedah PsM ini juga merupakan suatu perkembangan dan penambahbaikan daripada kaedah pembelajaran secara elektronik (PsE) atau pembelajaran menerusi portal (PmP) yang telah digunakan sebelum teknologi mobil ini berkembang dalam sistem pendidikan (Salmon & Edirisingha, 2008). Pengaplikasian teknologi peranti mobil dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) juga dapat merapatkan jurang digital, malah penggunaan peranti ini juga mampu memperbaiki kemahiran ICT pelajar, menggalakkan pembelajaran sendiri dan membolehkan pelajar menerima maklum balas dengan lebih cepat berkaitan dengan

kelemahan pelajar dalam topik-topik pembelajaran yang tertentu (Dewitt, 2012).

Justeru, pelajar-pelajar ini dapat mengesan kelemahan-kelemahan tersebut dengan lebih awal dan secara langsung mampu mendorong mereka untuk berusaha dengan lebih keras lagi bagi memperbaiki kelemahan tersebut.

Secara ringkasnya, perkembangan teknologi dalam penciptaan peranti mobil telah mendorong kewujudan saluran baru komunikasi, terutamanya dalam kalangan pelajar dan tenaga pengajar sehingga mendorong motivasi internal pelajar untuk terlibat dalam aktiviti PsM (Chaiprasurt & Esichaikul, 2013). Berdasarkan Teori Andragogi yang telah dikemukakan oleh Knowles (1978), motivasi pelajar dewasa adalah didorong oleh motivasi dalaman. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa semangat pelajar untuk belajar adalah datang daripada keinginan dalam diri sendiri tanpa pengaruh daripada luar. Perkembangan ini telah memberi impak yang positif terutamanya dalam sistem pengajian berbentuk PJJ, iaitu mampu merapatkan jurang komunikasi antara pelajar dan tenaga pengajar (Amin, 2008) serta mendorong aktiviti pembelajaran yang lebih berkesan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Konsep Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan salah satu konsep yang dibina berteraskan pendidikan sepanjang hayat. Di Malaysia, semakin banyak pusat-pusat pengajian tinggi yang menawarkan kursus pengajian secara jarak jauh sama ada di

institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun di institusi-institusi pengajian tinggi

swasta. Antara institusi pengajian tinggi awam yang menjadi pelopor utama dalam menawarkan program pengajian ini iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Penawaran program pengajian secara PJJ di universiti ini bermula sejak tahun 1971 dan merupakan antara institusi pengajian tinggi terawal yang menawarkan program pengajian ini kepada para pelajar (Pendidikan Jarak Jauh, 2013). Antara bidang pengajian yang ditawarkan dalam program PJJ ini iaitu:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)
- Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan)

Kursus pengantar ekonomi merupakan kursus teras yang wajib diikuti oleh pelajar ekonomi dalam Bidang Sains Kemasyarakatan. Kursus ini wajar diikuti oleh para pelajar yang mengikuti program pengajian secara PJJ pada semester pertama. Seiring dengan reformasi dalam teknologi sejak tahun 1980-an, keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong terhadap pembaharuan konsep serta kaedah pembelajaran dalam sistem pendidikan (Cohen, 2012). Menurut Parsons (2011), perkembangan dalam teknologi mobil telah merangsang kewujudan kaedah pembelajaran yang baru iaitu kaedah PsM yang dilihat mampu memberi banyak manfaat di samping memberi kemudahan kepada pengguna untuk mengakses sesuatu maklumat yang diperlukan. Keadaan ini terhasil menerusi gabungan antara teknologi tanpa wayar dengan sistem pengkomputeran mudah alih. Justeru, perkembangan ini

sekali gus akan mendorong perubahan yang begitu besar dalam dunia pendidikan

kesan daripada transformasi dalam persekitaran pembelajaran (Yonazi, Sedoyeka, Ariwa & El-Qawasmeh, 2011). Maka, pelaksanaan kaedah pembelajaran menerusi medium peranti mobil ini mampu membantu meningkatkan keberkesanan aktiviti pembelajaran terutamanya bagi kursus pengantar ekonomi.

Antara peranti mobil yang sesuai digunakan serta dijadikan medium pembelajaran adalah seperti telefon bimbit, telefon pintar (*smartphone*), PDA (*Personal Data Assistant*), komputer tablet (*iPad*, *iPod*), *palmtops*, dan sebagainya (Saedah, Fadhilah & Mohammad Helmi, 2012). Sharples, Taylor dan Vavoula (2005) pula menyifatkan bahawa antara kategori peranti mobil adalah seperti PDA, telefon bimbit, alat bimbit digital atau alat peranti yang kecil. Walau bagaimanapun, pelaksanaan konsep pembelajaran secara mobil (PsM) di Malaysia masih belum dijalankan sepenuhnya, malah masih dalam peringkat kajian. Justeru, kebanyakan institusi pengajian tinggi masih menggunakan aplikasi pembelajaran secara elektronik iaitu pembelajaran menerusi portal (PmP) sebagai alternatif bagi kaedah pembelajaran dalam program PJJ untuk memudahkan perhubungan serta komunikasi antara pelajar dengan pensyarah.

Pelaksanaan kaedah PsM dalam sistem pendidikan pada hari ini adalah amat sesuai jika dilihat dari segi potensi fungsi penggunaan peranti mobil tersebut yang begitu meluas pada masa kini. Tambahan pula, alat peranti mobil ini juga mudah didapati serta harganya yang semakin murah dan berpatutan serta mampu dimiliki oleh ramai pihak. Selain itu, tindakan pihak kerajaan yang menyediakan sejumlah RM 300

juta sebagai peruntukan berbentuk insentif yang berupa rebat kepada rakyat

(Kementerian Kewangan Malaysia, 2012) juga secara langsung mampu mendorong masyarakat untuk memiliki alat peranti mobil masing-masing. Jumlah rebat yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan adalah bernilai RM 200 bagi setiap individu. Peruntukan ini disediakan kepada golongan belia yang berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun serta berpendapatan kurang daripada RM 3000 sebulan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2012). Tindakan ini dilihat sebagai salah satu proses galakan kepada masyarakat supaya celik terhadap perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Sejajar dengan itu, pasaran dunia juga melaporkan bahawa statistik pengguna yang menggunakan telefon bimbit adalah lebih daripada 4 bilion menjelang tahun 2009, berbanding dengan pemilik komputer yang dicatatkan hanya sebanyak 800 juta pengguna (International Telecommunication Union, 2009).

Pasaran penggunaan telefon pintar pula dijangka melebihi penggunaan komputer menjelang tahun 2014 apabila kadar jualan telefon pintar dijangka meningkat melebihi 30 peratus daripada keseluruhan pasaran telefon bimbit di seluruh dunia (Hendery, 2009). Di samping itu, majoriti rakyat Malaysia juga menganggap bahawa telefon bimbit merupakan satu keperluan (Zoraini Wati, Chng, dan Norziati, 2009). Fenomena ini juga dapat dilihat berdasarkan pemerhatian terhadap golongan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang didapati hampir kesemuanya mempunyai telefon bimbit masing-masing. Statistik penggunaan alat-alat teknologi ini menunjukkan bahawa penggunaan telefon bimbit yang begitu meluas serta penciptaan teknologi mobil yang turut diaplikasikan sebagai teknik pembelajaran yang baru mampu memberi impak yang sangat positif dalam sistem pendidikan negara. Hal ini

demikian, kaedah pembelajaran ini telah menyediakan sistem pendidikan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS fleksibel bagi melaksanakan aktiviti pembelajaran kerana dapat dijalankan tanpa kekangan dari segi lokasi dan masa (Chen & Kinshuk, 2005).

Di samping itu, perkembangan dalam teknologi peranti mobil ini telah berupaya mencipta kaedah pembelajaran yang baru dalam dunia pendidikan. Fenomena yang berlaku ini adalah suatu perkembangan yang positif kerana kaedah pembelajaran ini mampu mendorong pelajar untuk belajar secara lebih berdikari (Saedah, 2005). Justeru, pelajar juga akan menjadi lebih kreatif dan bermaklumat serta mempunyai daya usaha sendiri untuk meneroka dunia teknologi yang semakin berkembang pada zaman ini. Hasil daripada penerokaan terhadap teknologi mobil ini secara tidak langsung mendorong pengguna untuk memperoleh pelbagai maklumat hanya menerusi capaian di hujung jari (Abdul Manaf, 2005). Lebih-lebih lagi, peranti mobil yang dicipta ini juga mampu menyimpan data yang berkapasiti lebih tinggi, kerana mempunyai kad memori tambahan, resolusi yang lebih baik serta saiz skrin yang lebih jelas dan besar (Fahad, 2008). Keadaan ini menunjukkan bahawa peranti mobil ini amat sesuai dijadikan medium pengajaran dan pembelajaran seiring dengan perkembangan teknologi pada zaman kini.

Penggunaan peranti mobil kini semakin meluas liputannya (Woodford, 2011), malah bukan sahaja dalam sektor pendidikan, bahkan juga dalam sektor-sektor yang lain terutamanya di negara-negara luar. Hal ini demikian, masyarakat semakin sedar akan kepentingan dan faedah yang diperolehi menerusi penggunaan peranti mobil ini. Walau bagaimanapun, fenomena ini juga telah mendorong terhadap peningkatan

capaian internet menerusi peranti mobil berbanding penggunaan *desktop*. Berdasarkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

laporan yang telah dikeluarkan oleh firma perhubungan awam Finn (2010) dalam Quinn (2012), didapati bahawa rakyat Amerika menghabiskan masa secara purata selama 2.7 jam sehari menerusi internet mudah alih. Statistik ini menunjukkan bahawa kadar penggunaan internet yang tinggi menerusi bantuan teknologi mobil akan mendorong peningkatan dalam mengakses pelbagai maklumat oleh pengguna yang boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Oleh itu, penyediaan prasarana seiring dengan perkembangan dalam teknologi komunikasi telah memudahkan pelajar untuk mendapatkan maklumat menerusi medium peranti mobil, bahkan secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat yang berilmu serta celik dalam bidang ICT.

Kesimpulannya, pelaksanaan kaedah PsM terutamanya dalam kalangan pelajar yang mengikuti program pengajian secara PJJ adalah amat wajar. Pelaksanaan ini juga dilihat amat positif kerana mampu membantu pelajar yang terlibat dalam konsep pembelajaran berpusatkan pelajar dan bahan untuk belajar secara lebih berkesan. Hal ini demikian, aktiviti pembelajaran berpusatkan pelajar juga mampu meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran (Khoo, 2008). Lebih-lebih lagi, konsep pembelajaran ini juga mampu memberi kebebasan kepada para pelajar iaitu sama ada ingin mempercepatkan atau memperlahankan kadar pembelajaran mengikut kesesuaian masa belajar masing-masing (Saedah et al., 2012). Selain itu, kemudahan teknologi serta penggunaan peranti mobil ini juga dapat merapatkan jurang komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Justeru, para pensyarah juga dapat membuat penilaian serta memantau perkembangan tahap kefahaman para pelajar terhadap kursus pengantar ekonomi secara lebih efektif.